



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# KENYATAAN MEDIA

## PENGGUNAAN GELANGGANG FUTSAL PERCUMA KEPADA PENDUDUK KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN

Penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bakal menikmati penggunaan gelanggang futsal secara percuma bermula hari ini. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi akan menanggung semua kos penyelenggaraan dan operasi gelanggang futsal bagi menggalakkan lebih ramai orang menggunakan kemudahan ini tanpa mengeluarkan kos yang tinggi untuk beriadah.

Kemudahan percuma ini melibatkan gelanggang futsal di bawah seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan sahaja. Warga kota khususnya golongan belia dan remaja di Kuala Lumpur akan menikmati kemudahan percuma di 22 gelanggang futsal pada waktu hari bekerja (isnin-jumaat) dari jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang sekiranya tiada sebarang tempahan. Manakala di Putrajaya 2 unit gelanggang futsal Mokhtar Dahari di Kompleks Futsal 1Malaysia, Presint 18 diberi percuma antara jam 4.00 petang hingga 7.00 malam dari hari Isnin hingga Khamis. Kemudahan percuma ini juga akan melibatkan 2 gelanggang futsal di Labuan setiap hari dari jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang kecuali hari Sabtu dan Ahad.

Inisiatif Kerajaan dalam memberikan kemudahan percuma bagi penggunaan gelanggang futsal adalah atas permintaan yang tinggi dari penduduk Wilayah Persekutuan. Adalah menjadi hasrat Kerajaan dalam mewujudkan komuniti yang sihat dan cergas seiring dengan tema 'Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera'.

**DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR**  
**MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**  
**7 FEBRUARI 2017**